

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**ZGT 272/3 - Pengantar Oseanografi**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **EMPAT** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Apakah syarat-syarat fizikal yang menghasilkan air payau di Laut Baltik dan air hypersaline di Laut Merah?

(20/100)

- (b) Jelaskan sebab bagi perubahan yang besar saliniti di permukaan laut berbanding perubahan yang kecil saliniti di dalam laut.

(20/100)

	<u>Monterey</u>	<u>Furnace Creek</u>
(c) Julat suhu tahunan (°C)	6.3 – 20.0	3.6 – 45.7

Jelaskan sebab bagi perbezaan julat suhu yang wujud antara Monterey (berdekatan pantai) dan Furnace Creek (500 km dari pantai) di California.

(30/100)

- (d) Bagi konteks lautan jelaskan proses-proses yang menurun atau menaikkan nilai saliniti.

(30/100)

2. (a) Jelaskan ciri-ciri gelombang internal dan bahaya yang boleh disebabkannya.

(20/100)

- (b) Lakarkan profil dan gerakan partikel air bagi kes:

- (i) Gelombang air dalam
- (ii) Gelombang air cetek dan
- (iii) Nyatakan perhubungan jarak gelombang terhadap kedalaman air bagi setiap kes di atas.

(30/100)

- (c) Bincangkan pembentukan gelombang kapilari dan gelombang graviti di lautan.

(20/100)

- (d) Apakah tsunami? Jelaskan bagaimana tsunami boleh mengakibatkan kemasuhan di kawasan pantai.

(30/100)

3. (a) Bincangkan pergerakan sedimen pasir yang:

- (i) bertegak lurus dan
- (ii) selari

dengan garis pantai.

(30/100)

(b) Mengapakah julat pasang surut maksimum (spring tide) berlaku semasa fasa bulan baru dan fasa bulan penuh?

(15/100)

(c) Mengapakah julat pasang surut minimum (neap tide) berlaku semasa suku pertama dan suku ketiga bulan?

(15/100)

(d) Jika Bumi tidak mempunyai Bulan yang mengelilinginya, adakah masih wujud pasang surut? Jelaskan.

(20/100)

(e) Bincangkan dua kebaikan dan dua keburukan bagi jenerator kuasa pasang surut.

(20/100)

4. (a) Terangkan perbezaan antara estuari “vertically mixed” dan estuari “salt wedge” dari sudut taburan saliniti terhadap kedalaman dan discas sungai.

(30/100)

(b) Terangkan dengan bantuan lakaran yang sesuai corak peredaran yang wujud antara Lautan Atlantik dan Laut Mediterranean. Mengapakah peredaran Laut Mediterranean berbeza dengan peredaran di estuari?

(30/100)

(c) Mengapakah produktiviti di laut tropika agak rendah? Bincangkan tiga keadaan di laut tropika yang boleh menghasilkan produktiviti yang tinggi.

(40/100)